Risalah Tsulasa'

EDISI 6

19 J.Akhir 1426
26 Julai 2005

Hadith Pilihan

3 – عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالتُّقَى وَالْعَفَافَ وَالْغِنَى. رَوَاهُ مُسْلِمٌ

Dari Ibnu Mas`ud r.a bahawasanya Nabi S.A.W bersabda:

"Ya Allah, sesungguhnya saya memohonkan padaMu akan petunjuk, ketaqwaan, menahan diri dari apa-apa yang tidak diperkenankan serta kekayaan hati."

Hadith 3, Bab 6, Bab Ketaqwaan, Kitab Riyadhus Shalihin

Risalah Tsulasa' adalah Terbitan © **Bahan Tarbiyyah ONline**. Sebarang maklum balas kepada bahantarbiyyah@yahoo.com

Sumber:
- *Hadith Pilihan* – Riyadhus Shalihin, Imam Nawawi
- *Mereka Yang Telah Pergi* – Mereka Yang Telah Pergi, ditulis oleh Al-Mustasyar Abdullah Al-Aqil, terbitan Al-I'tishom Cahaya Umat
- *Hadith Tsulasa*' – Hadith Tsulasa', ditulis oleh Ahmad Isa 'Asyur, terbitan EraIntermedia

Mereka Yang Telah Pergi

NIZAR AHMAD SHABBAGH

(Da'ie yang syahid, 1361-1402 H.1941-1981 M.)



Tempat,Tanggal Lahir dan Masa Kecil Nizar Ahmad Shabbagh

Nizar Ahmad Shabbagh dilahirkan pada 15 Julai 1941 di kota Himsh, Suriah. Beliau belajar disekolah Ibtida'iyah, I'dadiyah (setaraf dengan SMP), dan Tsanawiyah (setaraf dengan SMU) di kota kelahirannya. Kemudian beliau menyambung pelajarannya secara terus kepada Syaikh Abdul Aziz 'Uyunus Sud dan dan Syaikh Abdul Ghaffar. Beliau berbaiah dengan Jamaah Ikhwanul Muslimin sejak belajar di SMU di Himsh.

Pada tahun 1963, setelah terjadi revolusi parti *Ba`ts* , Nizar Ahmad Shabbagh ditangkap dan dipenjara. Setelah keluar daripada penjara, beliau aktif di dalam kegiatan keislaman, lalu pergi ke Mesir untuk kuliah di pengajian tinggi dan memasuki Fakulti Teknikal Kemasyarakatan, Universiti Kairo. Akan tetapi, beberapa bulan kemudian, beliau dipulangkan ke tanah airnya atas desakan pihak atasan Mesir pada tahun 1965.

Beberapa saudara seperjuangan beliau mengusulkan Nizar Ahmad Shabbagh pergi ke Sepanyol. Pada tahun 1967, beliau berangkat menuju ke Sepanyol dengan harapan dapat memberi kuliah di Fakulti Farmasi, Universiti Granada. Setibanya di Sepanyol, beliau lebih memilih aktif di dalam kegiatan keislaman, hingga tidak sempat memikirkan kuliah.

Nizar Ahmad Shabbagh aktif berdakwah di kalangan mahasiswa Arab dan pusat-pusat dakwah di tengah-tengah masyarakat Sepanyol. Beliau merupakan orang pertama yang mampu

mengembalikan eksistensi umat Islam di Sepanyol, setelah runtuhnya benteng terakhir negara Islam di Andalusia pada tahun 1492. Beliau juga berhasil mendirikan Himpunan Mahasiswa Muslim buat pertama kali di Sepanyol.

Nizar Ahmad Shabbagh mewakafkan seluruh potensinya untuk membangunkan pusat-pusat kegiatan Islam, masjid, dan mendidik generasi-generasi secara Islami. Beliau juga berhasil mendirikan pusat penterjemahan dan penerbitan yang berhasil menerbitkan tiga belas buku berbahasa Sepanyol. Buku terakhir yang diterbitkan ialah *Hayatu Muhammad*.

Awal Perkenalanku dengan Nizar Ahmad Shabbagh

Awal perkenalanku dengan Al-Akh Asy-Syahid Nizar Ahmad Shabbagh terjadi pada tahun 1960-an. Ketika itu, beliau berada di kuliah di Fakulti Farmasi dan aktif berdakwah di kalangan mahasiswa Arab dan pusat-pusat dakwah di Sepanyol.

Melalui keupayaannya, Allah telah melimpahkan kebaikan yang banyak kepada masyarakat Sepanyol. Berkat anugerah Allah dan bantuan sebahagian mahasiswa Arab, beliau berhasil menyatukan barisan pemuda Islam, terutamanya para mahasiswa, mendirikan pusat-pusat kegiatan Islam, mengadakan muktamar, seminar, perkhemahan, daurah, menyampaikan ceramah, dan khutbah, serta mendirikan beberapa masjid di berbagai daerah.

Dari kiri ke kanan:Umar Ad-Dail,Nizar Shabbagh,dan Al-Aqil.25 Mei 1970

Nizar Ahmad Shabbagh tinggal di Granada dalam tempoh waktu yang agak lama. Pada tahun 1978 beliau pindah ke Barcelona untuk bertugas sebagai khatib Jum'at di pusat kegiatan Islam di kota itu. Jamaah yang ikut shalat di markas ini adalah mahasiswa dan kaum muslimin yang tinggal di sekitar markas, baik bangsa Sepanyol mahupun yang lainnya.

Khutbah Nizar Ahmad Shabbagh yang berapi-api telah menggerakkan emosi, memarakkan semangat, dan menyedarkan para jamaah. Huraian khutbahnya banyak berkait tentang keadaan kaum muslimin kontemporeri; keadaan mereka yang sentiasa mendapatkan berbagai-bagai tekanan para durjana dan penguasa zalim yang siang malam membuat onar terhadap Islam, kaum muslimin, memerangi dai, tokoh pergerakan, dan tentera Allah *Taala*. Juga berkaitan seruan kepada kaum muslimin agar bersungguh-sungguh dalam menentang kelompok batil dan boneka Barat mahupun Timur.



Sifat-Sifat Nizar Ahmad Shabbagh

Nizar Shabbagh adalah seorang yang istiqomah, berani, memiliki kekuatan dalam berhujah , dan tidak pernah kenal erti menyerah kalah. Peristiwa-peristiwa besar justeru semakin menambah kekuatan, istiqomah, kekukuhan, dan keberaniannya.

Ketika para pemuda asing yang mendapatkan kesulitan meminta bantuan, beliau segera memberikan bantuan kepada mereka, meneguhkan hati mereka, mencurahkan harta dan tenaga untuk memenuhi keperluan mereka, menghilangkan kesulitan mereka, dan menyingkirkan kesulitan yang mereka hadapi. Itu semua dilakukan dengan ikhlas dan tawakkal kepada Allah. Beliau juga meminta bantuan saudara-saudaranya yang lebih berpengalaman di dalam dunia dakwah, memakan asam garam kehidupan, dan lebih awal tinggal di Sepanyol. Mereka semua contoh-contoh mantap yang berjuang untuk Islam melalui aktiviti-aktiviti, ilmu, akhlak, dan perilaku. Di malam hari, mereka ibarat pendeta yang khusyuk bermunajat kepada Allah. Sedang

siang harinya, mereka ibarat pasukan penunggang kuda yang gagah berani. Mereka menerapkan Islam secara menyeluruh dan menyampaikannya kepada manusia.

Karya Ilmiah dan Dakwah Nizar Ahmad Shabbagh

Nizar Shabbagh merupakan penyeru kebenaran di Sepanyol, pembawa amanah dakwah Islam, dan contoh pemimpin yang istimewa. Beliau sangat berjasa dalam penyebaran buku-buku berbahasa Sepanyol dan menterjemahkan makna Al-Qur'an ke bahasa Sepanyol. Beliau juga menterjemahkan hadith dan Sirah Nabawiyah kepada bahasa Sepanyol. Melalui kedua-dua tangannya banyak orang yang memeluk agama Islam, baik bangsa Sepanyol mahupun dari lainnya, lelaki mahupun wanita, pemuda mahupun orang tua. Sehingga terbentuklah komuniti Islam di tengah-tengah Sepanyol. Namun, keupayaannya belum begitu terserlah , kerana mati syahid menghampirinya.

Nizar Ahmad Shabbagh sedang menyampaikan khutbah di markas Islam Sepanyol

Kami sangat berbahagia ketika bertemu kaum muslimin Sepanyol. Ketika berkunjung ke negara-negara Arab, mereka menceritakan jasa-jasa Asy-Syahid Nizar Shabbagh di dalam membimbing mereka ke jalan yang lurus, iaitu jalan Islam yang benar dan terang.

Nizar Ahmad Shabbagh berperanan aktif dalam penyelenggaraan muktamar Islam, baik di Sepanyol, Eropah, negara-negara Arab, mahupun negara-negara Islam. Beliau menyuarakan kebenaran dengan lantang, memberikan penyelesaian bagi persoalan umat Islam kontemporeri berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Beliau aktif menjadi anggota Organisasi Mahasiswa Islam Antarabangsa, Organisasi Pemuda Islam Antarabangsa (WAMI), Rabithah Alam Islami, dan Lembaga-Lembaga Islam dunia lainnya.

Nizar Ahmad Shabbagh juga mempunyai jasa yang besar dalam menyemarakkan aktiviti-aktivititi keislaman di Afrika Utara, terutamanya di Maghribi, Aljazair, dan Eropah secara umum. Tindakannya membuatkan pemimpin zalim merasa baran, sehingga membuat konspirasi untuk menghentikan jihadnya.



Peristiwa Syahid Nizar Ahmad Shabbagh

Penjahat tidak hanya berupaya menghentikan jihad Nizar Shabbagh, dan berkali-kali mencuba untuk membunuhnya. Akhirnya, pada siang hari di depan pejabatnya di Barcelona, beliau jatuh berlumuran darah. Namanya pun tercatat di dalam buku catatan syuhada, bersama syuhada yang mendahuluinya. Peristiwa itu terjadi pada hari Sabtu, 22 November 1981. Pusat-pusat berita tempatan dan antarabangsa pun menyiarkan berita kesyahidannya melalui radio, majalah, dan surat kabar. Bertepatan dengan itu, muncullah tuduhan yang mengarah kepada pembunuh bayaran yang dibiayai kedutaan besar Sepanyol.

Tanggal 25 November 1981, jasad Nizar Ahmad Shabbagh dibawa ke Granada dan dikebumikan di Qashril Hamraa dekat Jannatul Arif yang menjadi tempat peristirahatan kaum muslimin. Perkuburan ini merupakan tempat bersemadinya pemikir Islam berketurunan Austria, Muhammad Asad.

Pelawat yang menghadiri pengkebumian terlalu banyak. Mereka datang dari berbagai penjuru; terdiri dari utusan pusat-pusat dakwah, jamaah-jamaah Islam, negara-negara Eropah, negara-negara Arab, dan kaum muslimin yang tinggal di Sepanyol, baik sebagai mahasiswa mahupun pekerja.

Perlu diketahui, proses syahid Nizar Ahmad Shabbagh terjadi ketika beliau sedang menuju ke Pusat Kegiatan Islam Barcelona, untuk melanjutkan kajian yang bertema, *Mati Syahid dan Kedudukan Orang yang Mati Syahid dalam Islam*. Ini khabar gembira yang membahagiakan kaum mukminin.

Nizar Ahmad Shabbagh berbaiat bersama Ustadz Asy-Syahid Kamaluddin Sananiri. Allah menghendaki Nizar Shabbagh syahid beberapa hari setelah syahidnya Ustadz Sananiri, November 1981. Semoga kedua-duanya ditemukan di syurga seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.

Semoga Allah merahmati saudara kita, Nizar Shabbagh, dan menyertakannya bersama para nabi, shiddiqin, syuhada, dan orang-orang yang shalih. Kerana merekalah sebaik-baik teman.

"Siapakah yang lebih baik perkataannya dari orang-orang yang menyeru kepada Allah(agamaNya)dan beramal soleh"

(Al Fusshilat:33)

"

Aku hairan melihat mereka yang berkata: "Anda berdegil di dalam cita-cita,Memelihara idealism yang tinggi dan pendakian yang sukar,Berhentilah di sini,Janganlah bersusah payah,Engkau hanya menyemai benih di bumi yang kontang".Aku berkata kepadanya, "Tunggu!Putus Asa bukan sikapku.Akan ku tabur benihku di bumi dan buahnya hanya dari Tuhan.Apabila aku telah sampaikan risalah ini dengan bersungguh-sungguh kemudian aku tidak dapati yang menyahutnya,apa dosaku?"

"

Yusuf Al-Qardhawi




Hadith Tsulasa'

ALAM METAFIZIK DALAM AL QURAN



Kita memuji Allah swt. Kita ucapkan selawat dan salam untuk junjungan kita Nabi Muhammad, segenap keluarga dan sahabatnya, serta siapa saja yang menyerukan dakwahnya hingga hari kiamat.

Ikhwan tercinta, saya sampaikan salam penghormatan Islam, salam penghormatan dari Allah, yang baik dan diberkati: *assalamu 'alaikum wa rahmatullah wa barakatuh.*

Dalam pembicaraan kita yang lalu, kita telah berbicara mengenai manusia di dalam Al-Qur'an. Saya telah mengemukakan bahawa Al-Qur'an berkisah tentang manusia dalam banyak ayat dan dalam banyak surah. Al-Qur'an mengemukakan unsur material dan tanah serta unsur ruh dalam komposisi diri manusia serta tentang hubungannya dengan makhluk-makhluk lain. Al-Qur'an menyeru manusia agar meningkatkan kualiti ruh yang ada pada dirinya dengan amal shalih, membersihkannya dengan ma'rifah kepada Allah swt. dan menyucikannya dengan mengarahkan kepada kebaikan. Dalam pembicaraan yang lalu, kita juga telah membahas pandangan Al-Qur'an *tentang alam fizik* atau alam material. Saya telah menjelaskan bahawa Al-Qur'anul Karim mengemukakan dan memaparkan banyak fenomena alam di dalam banyak ayat. Di sana terdapat penjelasan mengenai langit, bumi, matahari, bulan, hujan, tumbuhan, laut, sungai, dan gunung Ikhwan sekalian, ini semua adalah fenomena alam yang dikemukakan di dalam Al-Qur'an. Al-Qur'an mengemukakan dan menjelaskan awal penciptaan alam, fenomena-fenomena yang terjadi di alam, dan tentang akhir untuk kehidupan. Saya telah mengatakan bahawa Al-Qur'an mengemukakan semua ini bukan dengan analisis ilmiah supaya menjadi sebuah buku astronomi, botani, atau zoologi, tetapi Al-Qur'an mengemukakannya sebagai bukti-bukti kekuasaan Allah swt., tanda-tanda penciptaanNya yang sempurna dan bijaksana, serta petunjuk-petunjuk daripada tindakan Allah swt. yang luar biasa. Al-Qur'anul Karim mengemukakannya agar menjadi pelita yang menerangi manusia untuk mengenal Allah.

Saya juga telah mengemukakan bahawa Al-Qur'an berbicara tentang hal itu tidak dari aspek ilmu pengetahuan. Kerana, akal manusia itu sentiasa berkembang dan maju secara berperingkat. Kerana itu, akal harus diberi kebebasan supaya mengenal sendiri benda-benda dan bentuk-bentuknya, sesuai dengan tingkat perkembangan dan kesempurnaan akal itu sendiri. Semakin sempurna akal manusia, maka ia semakin mampu menyingkap hal-hal yang musykil dan sulit difahami. Tidak ada jalan untuk membukakan pengetahuan tersebut kepadanya secara sekaligus dalam fasa-fasa kehidupannya. Saya juga telah menjelaskan bahawa keterangan Al-Qur'an mengenai benda-benda ini tidak bertentangan sedikit pun dengan fakta-fakta ilmiah yang benar, baik mengenai awal penciptaannya, fenomena-fenomena yang terjadi di dalamnya, atau akhir kehidupan di alam semesta ini. Ini merupakan bukti nyata bahawa kitab ini berasal dari sisi Allah swt. "*Kalau kiranya Al-Qur'an itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapati pertentangan yang banyak di dalamnya*." *(An-Nisa: 82).*

Kemudian kita telah menemui pelajaran bahawa kita wajib melakukan renungan dan penelitian tentang alam supaya saranan yang benar ini boleh dijadikan sebagai jalan untuk menguatkan




iman. Adapun kajian kita pada malam ini, Ikhwan sekalian, adalah mengenai *Alam Metafizik dalam Pandangan Al-Qur'anul Karim*.

Ikhwan sekalian, ketika kita memerhatikan kitab Allah swt. kita menemukan bahawa ia berbicara tentang banyak alam. Alam-alam tersebut tidak masuk di dalam batas-batas dunia material yang unsur-unsurnya boleh dikesan dengan pancaindera: dengan menyentuh, melihat, merasakan, mencium, atau mendengar. Al-Qur'anul Karim menyebutkan bahawa masih ada alam-alam yang lain selain alam yang boleh diraba, kita rasakan, kita lihat, dan kita dengar dengan pancaindera fizik. Al-Qur'an berbicara tentang alam-alam ini. Di antaranya adalah ruh. Al-Qur'an membicarakan masalah ruh ini. Al-Qur'an juga berbicara tentang malaikat. Al-Qur'an juga berbicara tentang jin. Al-Qur'an juga berbicara tentang *Al-Malaul A 'la*.

Al-Qur'an mengatakan, "*Aku telah meniupkan ke dalamnya ruh-Ku*." *(Al-Hijr: 29)* "*Dan mereka bertanya kepadamu tentang ruh. Katakanlah, 'Ruh itu termasuk urusan Tuhanku dan tidaklah kalian diberi pengetahuan melainkan sedikit*." *(Al-Isra': 85).* Jadi, ada sesuatu yang bernama ruh. Ia adalah urusan Allah swt.



Dalam surah Yusuf, Al-Qur'an juga berbicara tentang tafsir mimpi. Ia menjelaskan bahawa Allah swt. telah mengajarkan Yusuf tentang penafsiran mimpi. Dua orang sahabat Yusuf di dalam penjara bermimpi dan Yusuf as. menafsirkan mimpi mereka dengan penafsiran yang benar. Yusuf ketika itu berkata, "*Wahai dua penghuni penjara. Salah seorang di antara kalian berdua akan memberi minum tuannya dengan khamr; adapun yang seorang lagi maka ia akan disalib, lalu burung memakan sebahagian dan kepalanya. Telah diputuskan perkara yang kalian berdua menanyakannya kepadaku*." *(Yusuf: 41).*

Yusuf juga menafsirkan mimpi raja setelah para penasihat raja berkata, "*Dan kami sekali-kali tidak mengetahui ta'bir mimpi itu*." *(Yusuf:44).*

"*Dan berkatalah orang yang selamat di antara mereka berdua dan teringat (kepada Yusuf) sesudah beberapa waktu lamanya,'Aku akan memberitakan kepadamu tentang (orang yang pandai) menaf-sirkan mimpi itu, maka utuslah aku (kepadanya).' (Setelah pelayan itu berjumpa dengan Yusuf, dia berseru), 'Yusuf, hai orang yang amat dipercayai, terangkanlah kepada kami tentang tujuh ekor sapi betina yang gemuk-gemuk yang dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus-kurus dan tujuh butir (gandum) yang hijau dan (tujuh) lainnya yang kering, agar aku kembali kepada orang-orang itu, agar mereka mengetahuinya.' Yusuf berkata, 'Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan dibutirnya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan. Kemudian setelah itu akan datang tahun yang padanya manusia diberi hujan (dengan cukup) dan di masa itu mereka memeras*." *(Yusuf: 45-49).*

Ikhwan sekalian, selain itu kita juga boleh membaca firman Allah swt., "*Allah memegang jiwa (orang) ketika matinya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati di waktu tidurnya; maka Dia tahanlah jiwa (orang) yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang ditentukan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir*." *(Az-*




Zumar: 42).

Kemudian Al-Qur'anul Karim berbicara tentang para malaikat dan tradisi yang berlaku di alam malaikat ini, "*Yang menjadikan malaikat sebagai utusan-utusan (untuk mengurus berbagai-bagai macam urusan) yang mempunyai sayap, masing-masing (ada yang) dua, tiga dan empat.*" *(Fathir: 1)* "*Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, 'Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.*'" *(Al-Baqarah: 30)* "*Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat, 'Sujudlah kalian kepada Adam.*'" *(Al-Baqarah: 34).*

Ikhwan sekalian, Anda juga menemui di dalam kitab Allah swt. bahawa para malaikat melaksanakan tugas-tugas tertentu. Mereka bertasbih dan beristighfar. Mereka juga melaksanakan sebahagian tugas yang berkaitan dengan balasan amal."*Di atasnya ada sembilan belas (malaikat penjaga).*" *(Al-Muddatsir: 30).*

"*Dan tiada Kami jadikan penjaga neraka itu melainkan dari malaikat...*" *(Al-Mudatsir: 31).*

Mereka juga menyampaikan ucapan selamat kepada para penduduk syurga. "*Sedang malaikat-malaikat masuk ke tempat-tempat mereka dari sernua pintu. (Sambil mengucapkan) 'Keselamatan atas kalian berkat kesabaran kalian.' Maka alangkah baiknya tempat kesudahan itu.*" *(Ar-Ra'd: 23-24).*

Mereka juga melaksanakan beberapa tugas berkenaan dengan ruh, misalnya mereka menerima ruh-ruh itu. "*Alangkah dahsyatnya sekiranya kamu melihat di waktu orang-orang zalim (berada) dalam tekanan-tekanan sakaratul maut, sedangkan para malaikat memukul dengan tangannya, (sambil berkata), 'Keluarkanlah nyawa kalian! Di hari ini kalian dibalas dengan siksaan yang sangat menghinakan, kerana kalian selalu mengatakan terhadap Allah (perkataan) yang tidak benar dan (kerana) kalian selalu menyombongkan diri terhadap ayat-ayat-Nya.*" *(Al-An'am: 93).*

Ikhwan sekalian, selain itu Al-Qur'anul Karim juga berbicara tentang para malaikat dan beberapa bentuk interaksi mereka dengan manusia, "*(Ingatlah) ketika kamu mengatakan kepada orang-orang mukmin,' Apakah tidak cukup bagi kalian bahawa Allah telah membantu kalian dengan tiga ribu malaikat yang diturunkan (dari langit)?" (Ali Imran: 124).*

Al-Qur'an juga berbicara tentang 'jin bahkah ada satu surah Al-Qur'an yang khusus membicarakan mereka, yakni surah Al-Jin: *'Telah diwahyukan kepadaku bahawasanya sekumpulan jin telah mendengarkan (Al-Qur'an), lalu mereka berkata, 'Sesungguhnya kami telah mendengarkan Al-Qur'an yang menakjubkan.' (Yang) memberi petunjuk kepada jalan yang benar, lalu kami beriman kepadanya. Dan kami sekali-kali lidak akan mempersekutukan seorang pun dengan Tuhan kami. Dan bahawasanya Maha tinggi kebesaran Tuhan kami, Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak. Dan bahawasanya orang yang kurang akal di antara kami dahulu selalu mengatakan perkataan yang dusta terhadap Allah. Dan sesungguhnya kami mengira, bahawa manusia dan jin sekali-kali tidak akan mengatakan perkataan yang dusta terhadap Allah. Dan bahawasanya ada beberapa orang laki-laki di antara manusia meminta perlindungan kepada beberapa laki-laki di antara jin, maka jin-jin itu menambah bagi mereka dosa dan kesalahan. Dan sesungguhnya mereka (jin) menyangka sebagaimana persangkaan kalian (orang-orang kafir Makkah), bahawa Allah sekali-kali tidak akan membangkitkan seorang (rasul) pun. Dan sesungguhnya kami telah mencuba mengetahui (rahsia) langit, maka kami mendapatinya penuh dengan penjagaan yang kuat dan panah-panah api. Dan sesungguhnya kami dahulu dapat menduduki beberapa tempat di langit itu untuk mendengarkan (berita-berita). Tetapi sekarang barangsiapa yang (mencuba) mendengarkan*




(seperti itu) tentu akan menjumpai panah api yang mengintai (untuk membakarnya). Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya penjagaan itu) apakah keburukan yang dikehendaki bagi orang yang di bumi ataukah Tuhan mereka menghendaki kebaikan bagi mereka. Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang shalih dan di antara kami ada pula yang tidak demikian halnya. Adalah kami menempuh jalan yang berbeza-beza." *(Al-Jin: 1-11).*

Wahai Akhi, dari ayat-ayat ini Anda mengetahui bahawa jin telah mengatakan tentang diri mereka sendiri bahawa mereka pernah mencuri-curi berita, tetapi kemudian mereka dihalangi dari perbuatan itu; di antara mereka ada yang shalih dan di antara mereka ada pula yang jahat. Mereka juga mempunyai kemampuan yang lebih besar untuk melakukan suatu perbuatan daripada kemampuan manusia."*Ifrit yang cerdik dari golongan jin berkata, 'Aku akan datang kepadamu dengan membawa singgasana itu, sebelum kamu berdiri dari tempat dudukmu. Sesungguhnya aku benar-benar kuat lagi dapat dipercayai*." *(An-Naml: 39).*

Anda juga tahu, wahai Akhi, di kalangan jin terdapat satu golongan syaitan, yang melakukan godaan terhadap manusia serta menghiasi perbuatan-perbuatan jahat dan maksiat yang membinasakan supaya kelihatan indah dalam pandangan manusia, sehingga mereka terjerumus ke dalamnya. Adapun hubungan mereka dengan iblis adalah:iblis merupakan pembesar mereka. Al-Qur'an juga menceritakan bahawa bangsa jin mengenal tentang kitab-kitab lama yang diturunkan oleh Allah dan mereka membanding-bandingkan antara kitab-kitab samawi tersebut dengan teliti.

Jika Anda memperhatikan kitab Allah swt. Wahai Akhi,Anda pasti juga menemui bahawa ia berbicara tentang *Al-Malaul A'la* ."*Aku tidak mempunyai pengetahuan tentang Al-Malaul A 'la ketika mereka berbantah-bantahan*." *(Shad: 69)*

Di antara keadaan *Al-Malaul A 'la* adalah sebagai berikut: "*Demi bintang ketika terbenam. Kawanmu (Muhammad) tidak sesat dan tidak pula keliru. Dan tiadalah yang diucapkannya itu (Al-Qur'an) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan. Yang diajarkan kepadanya oleh* ***(Jibril)*** *yang sangat kuat. Yang mempunyai akal yang cerdas dan menampakkan diri dengan rupa yang asli. Sedangkan ia berada di ufuk yang tinggi. Kemudian ia mendekati, lalu bertambah dekat lagi. Maka jadilah dia dekat (kepada Muhammad sejarak) dua ujung busur panah atau lebih dekat lagi. Lalu dia menyampaikan kepada hambaNya apa yang telah Allah wahyukan. Hatinya tidak mendustakan apa yang telah dilihatnya. Maka apakah kalian(musyrikin Makkah) hendak membantahnya tentang apa yang telah dilihatnya? Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril itu (dalam rupanya yang asli) pada waktu yang lain. (Iaitu) dekat Sidratul Muntaha. Di dekatnya ada syurga tempat tinggal. (Muhammad melihat Jibril) ketika Sidratul Muntaha diliputi oleh sesuatu yang meliputinya. Penglihatannya tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak pula melampauinya*." *(An-Najm: 1-17).*

Anda tahu, wahai Akhi, bahawa di antara alam-alam tersebut terdapat *Al-Malaul A'la*, yakni Sidratul Muntaha, 'Arsy, Kursiy, Lauhul Mahfuzh, Baitul Makmur, dan benda-benda lain yang hanya diketahui oleh Allah swt. semata-mata.

Kebiasaan Al-Qur'an yang Anda ketahui dan Anda rasakan, wahai Akhi, ketika berbicara tentang alam metafizik ini, ia sentiasa membicarakannya dengan ungkapan yang sangat singkat. Ia tidak memaparkan hakikat-hakikat dari keadaan alam ini, tetapi hanya mengemukakan beberapa kekhususannya. Contohnya, ia tidak menyebutkan bagaimana Allah menciptakan para malaikat dan tidak menyebutkan dari apakah asal usul ruh, tidak pula tentang struktur *Al-Malaul A 'la* ini.




Dari sini, wahai Akhi, kita boleh mengambil dua pelajaran. Yang pertama, kita berkewajipan untuk menggunakan adab-adab yang diajarkan oleh Al-Qur'an dan berhenti seperti keterangan yang diberikannya. Jika kita hendak melakukan perbahasan mengenai masalah-masalah ini, maka kita tidak boleh melakukan berbagai-bagai dugaan dan kita juga tidak boleh membiarkan akal berkelana bebas mengenainya. "*Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan, dan hati, semuanya itu akan diminta akan tanggungjawabnya*." *(Al-Isra': 36).*

Adapun pelajaran kedua, wahai Akhi, adalah sebuah hakikat yang kita ketahui melalui pertanyaan-pertanyaan ini: Mengapa Al-Qur'anul Karim tidak membicarakan alam metafizik ini secara luas dan terperinci? Jawapan pertanyaan ini adalah : .

> ***"Al-Qur'an datang untuk memberikan manfaat, sedangkan kita tidak akan memperoleh manfaat dari keterangan seperti ini. Kita, manusia ini, wahai Akhi, diajak berbicara sesuai dengan bahasa kita dan sesuai dengan kadar pengetahuan dan pemahaman kita. "***

Ambillah misal, wahai Akhi, seseorang yang dilahirkan dalam keadaan buta. Kemudian ia ditanya tentang hakikat berbagai-bagai benda. Betul bahawa Anda telah memberitahukan berbagai-bagai benda itu kepadanya. Tetapi, mana boleh ia memahami penjelasanmu itu? Anda, wahai Akhi, tidak mungkin boleh memahamkannya, kerana bahasa adalah penggambaran tentang makna-makna dan benda-benda yang ada di dalam lingkungan penggunanya. Sebagaimana yang telah saya katakan, ini adalah alam metafizik, alam yang tidak terlihat. Ertinya, ia adalah alam yang tidak boleh dikesan dengan pancaindera kita alam ini, maka Al-Qur'anul Karim memberikan isyarat tentang adanya hubungan ini. Orang-orang yang mendapatkan sedikit pengetahuan tentang alam ini, mereka mengetahui sebahagian dari aspek-aspeknya dan hal-hal yang berhubungan dengannya. Para malaikat pernah berkunjung kepada Sayidina Imran bin Hushain ketika beliau sakit. Beliau pernah mengatakan, "Para malaikat mengunjungiku dan menjabat tanganku.", sehingga mana mungkin bahasa kita boleh menggambarkannya? Tetapi kerana kita mempunyai hubungan dan keterikatan dengan

Adapun orang-orang yang hidup dalam batas-batas dunianya sendiri, mereka tidak akan boleh mengetahui sedikit pun dari keadaannya. Ia tidak mempunyai tanda-tanda pada diri mereka, tidak juga akal mereka. Kita tidak boleh banyak membicarakan aspek-aspek ini kerana kita tidak akan sampai kepada sesuatu apa pun selain perdebatan.

Wahai Akhi, Al-Qur'an telah mengemukakan perkara-perkara khusus yang berkenaan dengan alam metafizik ini. Lantas, bagaimana sikap ilmu pengetahuan yang bersifat material terhadapnya? Apa yang terjadi, telah datang beberapa masa kebangkitan umat manusia dalam kurun-kurun yang telah lalu, namun mereka mengingkari sama sekali adanya alam metafizik itu. Mereka tidak percaya kepada ruh, malaikat, jin, dan *Al-Malaul A'la*. Mereka menggambarkan kehidupan itu seperti alat mekanik, mereka menggambarkan makan ibarat bahan bakar, darah ibarat wap. Mereka mengatakan, yang terjadi hanyalah rahim yang melahirkan dan bumi yang menelan, dan kita tidak dibinasakan oleh apa pun selain masa. "*Dan mereka berkata, 'Kehidupan kita hanyalah kehidupan di dunia saja, kita mati dan kita hidup, dan tidak ada yang membinasakan kita selain masa*."' *(Al-Jaatsiyah: 24).*

Perdebatan mengenai ini banyak terjadi di Eropah pada abad ke-18, pada awal-awal terjadinya revolusi industri yang diselaraskan dengan berkembangnya berbagai-bagai pemikiran materialisme. Tetapi aliran pemikiran ini beransur-




ansur lemah, kerana pandangan-pandangannya banyak yang batil, dan kerananya tidak dapat dipertahankan.

Mereka segera berfikir dan menyedari bahawa mereka berada di hadapan fenomena-fenomena baru yang sama sekali bukan merupakan fenomena-fenomena kebendaan. Salah satu dari buah penelitian yang mereka peroleh adalah kesedaran**.** Mereka mulai berbicara tentang fenomena-fenomena luar dari kebendaan.

Di Universiti Birmingham, pada bulan Julai tahun 1927, kuliah tentang psikologi ditetapkan sebagai kuliah dasar di pengajian tinggi tersebut. Mereka mulai mengatakan, "Benar, dunia ini terbahagi menjadi dua, iaitu dunia fizik dan dunia metafizik. Kita memang telah berhasil meraih banyak kemajuan di dalam lingkungan alam fizik dan kita telah berhasil memanfaatkan banyak potensinya, dan di hadapan kita masih terbuka banyak pekerjaan yang berat. Namun kita mengakui bahawa ada dunia lain yang tidak terlihat dan kita mengakui bahawa kita baru mencapai sebahagian awalnya, baru melangkahkan beberapa langkah untuk memahaminya."

Tetapi wahai Akhi, jangan membayangkan bahawa mereka akan segera mengetahui segala-galanya. Mereka akan segera memahami firman Allah swt., "*Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelaslah bagi mereka bahawa Al-Qur'an itu benar adanya. Apakah Tuhanmu tidak cukup (bagi kamu) bahawa sesungguhnya Dia menyaksikan segala sesuatu?" (Fushilat: 53).*

Jadi, kitab kita yang mulia ini, wahai Akhi, telah memberikan kelapangan kepada kita sehingga kita tidak perlu bersusah-payah kerana dugaan, keraguan, dan kesesatan berfikir. Ia memberitahu kita pokok-pokok pengetahuan yang memadai tentang alam metafizik itu. Ia memberitahu kita tentang apa yang bermanfaat bagi diri kita dan mendiamkan hal-hal yang tidak bermanfaat bagi kita.

Semoga shalawat dan salam dilimpahkan kepada Sayidina Muhammad dan kepada keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Hassan Al Banna

“

Ikhwan sekalian, itu lantaran bahawa tujuan Al-Qur'an diturunkan untuk menjadi pengarahan rohani yang boleh menghubungkan jiwa manusia dengan "alam ketinggian" dan mengenalkan mereka kepada Allah swt.

-Hassan Al-Banna-

”

- ***Mereka Yang Telah Pergi*** adalah Karya Al- Mustasyar Abdullah Al-Aqil berdasarkan pengalaman dan kajian beliau tentang tokoh-tokoh pembangun Islam.
- ***Hadith Tsulasa'*** adalah ceramah Imam Hassan Al-Banna di pusat Ikhwanul Muslimin di Kaherah pada setiap hari Selasa hasil nota karangan Ahmad Isa 'Asyur.